

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN KETUA PENGARAH
HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967 BAGI TABUNG PEMBINAAN RUMAH IBADAT**

1. PENDAHULUAN

1.1 Garispanduan ini bertujuan menerangkan prosedur permohonan kelulusan di bawah subsekyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 bagi Tabung Pembinaan Rumah Ibadat (TPBRI).

1.2 Garis panduan ini menerangkan:-

- i. Kriteria dan syarat kelayakan TPBRI untuk permohonan kelulusan subseksyen 44(6) ACP 1967;
- ii. Prosedur permohonan oleh Jawatankuasa TPBRI untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
- iii. Tanggungjawab Jawatankuasa TPBRI selepas mendapat kelulusan subseksyen 44(6) ACP 1967;
- iv. Akibat pelanggaran syarat-syarat kelulusan oleh TBRI di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
- v. Tempoh kelulusan dan lanjutan permohonan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967
- vi. Kuasa KPHDN ke atas kelulusan dan penganan syarat - syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967
- vii. Layanan cukai ke atas penderma TPBRI yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

**2. KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN TPBRI UNTUK PERMOHONAN
KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

2.1 Objektif –

TPBRI ditubuhkan di Malaysia untuk kutipan dana/sumbangan bagi tujuan pembinaan sebuah rumah ibadat di Malaysia yang akan digunakan sepenuhnya untuk aktiviti ibadat penyembahan dan pemajuan agama mengikut anutan agama masing-masing.

2.2 Penubuhan TPBRI--

- a. Satu Jawatankuasa TPBRI perlu dibentuk bagi menguruskan dana/sumbangan pembinaan rumah ibadat. Rumah ibadat yang dibina akan menjalankan aktiviti penyembahan dan pemajuan agama mengikut anutan agama masing-masing.
- b. Di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, TPBRI akan diluluskan sebagai sebuah tabung bagi tujuan semata-mata untuk pembinaan rumah ibadat sahaja. Jawatankuasa Tabung Pembinaan Rumah Ibadat (AJK TPBRI) yang dilantik mestilah menjalankan tanggungjawab berdasarkan Peraturan Tabung Pembinaan Rumah Ibadat.
- c. Kelulusan daripada Pertubuhan Agama Induk mengikut agama anutan masing-masing adalah diperlukan sebelum urusan pembinaan rumah ibadat dijalankan. Berikut adalah pertubuhan agama induk yang mengawal selia rumah ibadat mengikut agama anutan masing-masing iaitu:

Bil	Agama	Pertubuhan Agama Induk
a.	Islam (masjid/surau)	Majlis Agama Islam Negeri
b.	Buddha (tokong)	(i) Malaysian Buddhist Association (MBA) (ii) Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)
c.	Kristian (gereja)	Christian Federation of Malaysia (CFM) [Incorporating the Catholic Bishops Conference Of Malaysia (CBCM), Council Of Churches Of Malaysia (CCM) & National Evangelical Christian Fellowship (NECF)]
d.	Hindu (kuil)	Malaysia Hindu Sangam (MHS)
e.	Sikh (gudwara)	(i) Malaysian Gurdwaras Council (MGC) (ii) KhalsaDiwan Malaysia (KDM)
f.	Tao (tokong)	Federation Of Taoist Associations Malaysia (FTAM)
g.	Lain-lain	Surat pengesahan dan sokongan oleh Pertubuhan Agama Induk yang diiktiraf

		Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.
--	--	---

2.3 Ciri-ciri pembinaan

Pembinaan rumah ibadat mesti mempunyai unsur-unsur penyembahan bagi aktiviti ibadat yang dijalankan dan pengembangan serta pemajuan agama. **Tidak termasuk** dewan perbincangan, perpustakaan, pusat pembelajaran dan lain-lain.

2.4 Komposisi AJK TPBRI-

Lebih daripada 50% AJK TPBRI mestilah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai hubungan di antara satu sama lain. Hubungan adalah merujuk kepada hubungan kekeluargaan seperti ibubapa, anak, adik beradik termasuk lain-lain hubungan kekeluargaan yang rapat.

2.5 Pertimbangan amaun kelulusan

- a. Jumlah amaun kelulusan yang layak dipertimbangkan adalah terhad kepada kos pembinaan bangunan rumah ibadat sahaja. **Tidak termasuk** harga tanah untuk tujuan tapak rumah ibadat.
- b. Amaun TPBRI yang akan dipertimbangkan adalah semata-mata berdasarkan harga pembinaan bangunan tersebut atau amaun yang akan diluluskan (kelulusan akan mengambil kira kes telah ada kutipan dana awal atau penerimaan geran/subsidi daripada pihak tertentu).
- c. Kos-kos yang berkaitan dengan pembelian peralatan, perabot, dewan, pembaikan dan penyelenggaraan dan lain-lain untuk rumah ibadat adalah **tidak diambil kira**.
- d. Sekiranya ruang penyembahan dan tempat ibadat terlalu kecil berbanding jumlah keseluruhan bangunan, maka kelulusan akan diberikan ke atas kos pembinaan ruang penyembahan tersebut sahaja. Sekurang-kurangnya ruang penyembahan mestilah melebihi 10% daripada keseluruhan bangunan yang dibina.

3. PROSEDUR PERMOHONAN OLEH JAWATANKUASA TPBRI UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967.

- 3.1 Orang yang layak mengemukakan permohonan kelulusan adalah Pengerusi Jawatankuasa TPBRI.
- 3.2 Permohonan hendaklah melalui surat rasmi dengan menggunakan kepala surat rasmi rumah ibadat berserta alamat surat-menyurat, emel

dan nombor telefon. Dokumen-dokumen sokongan yang lengkap lain yang diperlukan adalah seperti berikut -

(a) Dokumen berkenaan institusi/ organisasi yang menubuhkan TPBRI (sekiranya berkaitan):

- i- Sesalinan sijil pendaftaran dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri;
- ii- Sesalinan Perlembagaan atau Surat Ikatan atau Undang-Undang Kecil atau Kaedah - Kaedah yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dan
- iii- Senarai Ahli Jawatankuasa TPBRI yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa.

(b) Dokumen berkenaan TPBRI:

- i- Ketetapan atau minit mesyuarat yang memutuskan penubuhan TPBRI dan meluluskan undang-undang kecil TPBRI;
- ii- Kaedah-kaedah atau undang-undang kecil TPBRI yang mengandungi fasal-fasal berkenaan nama, alamat, tujuan kawalan pengurusan, kawalan penggunaan kewangan, penyata kewangan kira-kira beraudit, penggunaan kewangan, syarat-syarat pembinaan, pindaan kepada fasal-fasal dan pembubaran Undang-Undang Kecil;
- iii- Senarai AJK TPBRI yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa tersebut;

(c) Lain-lain dokumen sokongan:

- i- Pelan bangunan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan;
- ii- Pecahan anggaran perbelanjaan pembinaan bangunan tersebut dan surat pengesahan kos pembinaan daripada Arkitek bertauliah;

- iii- Sekiranya derma telah mula dipungut dari orang ramai, nyatakan tarikh derma pertama mula dipungut dan juga jumlah yang telah pun dipungut sehingga tarikh permohonan;
- vi- Jumlah bantuan wang Kerajaan (geran/subsidi) atau mana-mana punca yang telah diterima atau dijanjikan jika ada; dan
- v- Surat sokongan atau surat pengesahan bahawa bangunan yang didirikan tersebut hanya digunakan untuk tujuan keagamaan dan ibadat semata-mata.

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor.

4. TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TPBRI SETELAH MENDAPAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

4.1 TPBRI yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:-

i. Objektif kutipan sumbangan dan derma –

Kesemua wang sumbangan dan derma yang telah diterima hendaklah dibelanjakan semata-mata untuk pembinaan rumah ibadat di Malaysia yang akan digunakan sepenuhnya bagi tujuan ibadat dan pemajuan agama mengikut anutan agama masing-masing.

ii. Tempoh kutipan sumbangan dan derma -

Mengikut tempoh masa pembinaan rumah ibadat iaitu :

- (a) tempoh 3 tahun daripada tarikh kelulusan TPBRI; atau
- (b) tempoh pembinaan rumah ibadat siap; atau
- (c) wang kutipan telah mencapai jumlah yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN), **yang mana lebih terdahulu.**

iii. Lebihan dana kutipan -

Lebihan wang sumbangan dan derma selepas rumah ibadat siap dibina, wang kutipan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada KPHDNM dan memohon untuk dimasukkan dalam Tabung Pengurusan Rumah Ibadat.

iv. Akaun Bank TPBRI –

Pihak Jawatankuasa TPBRI perlu membuka akaun bank yang berasingan bagi penerimaan wang kutipan derma/seumbangan untuk tujuan pembinaan rumah ibadat.

v. Penyata kewangan TPBRI -

Penyata kewangan tahunan yang lengkap hendaklah disediakan secara **berasingan** daripada penyata kewangan pengurusan rumah ibadat. Sesalinan penyata kewangan tahunan beraudit hendaklah dikemukakan ke Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya.

vi. Pelantikan dan pertukaran AJK TPBRI -

Bagi tujuan kesinambungan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP ini berhubung TPBRI, setiap pelantikan baharu atau pertukaran Ahli Jawatankuasa TPBRI hendaklah dimaklumkan dan mendapat **kelulusan dari KPHDN terlebih dahulu.**

vii. Resit rasmi

Semua sumbangan yang diterima hendaklah dikeluarkan resit rasmi (telah disahkan oleh LHDNM) mengandungi maklumat berikut:-

- a. Nama, alamat dan no.telefon tabung pembinaan rumah ibadat;
- b. Nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*);
- c. Tarikh resit;
- d. Nama penderma berserta nombor kad pengenalan/nombor passport/no.pendaftaran perniagaan dan alamat surat menyurat penderma;
- e. Amaun yang didermakan;

- f. Jawatan pemungut (*collector*) seperti Pengerusi atau Bendahari;
- g. Nombor rujukan kelulusan oleh LHDNM; dan
- h. Tarikh atau tempoh kuatkuasa kelulusan.

vi. Lain-lain –

- a. TPBRI dilarang menggunakan logo LHDNM di dalam semua dokumen bercetak, media massa, resit dan sebagainya.
- b. Mengemukakan kepada pihak LHDNM senarai penderma yang telah menderma kepada TPBRI bagi amaun RM20,000.00 dan ke atas.
- c. Satu laporan bangunan yang telah siap dibina berserta surat pengesahan bank berkenaan penutupan akaun hendaklah dihantar ke Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM.
- c. TPBRI yang ditubuhkan tidak melibatkan sebarang kegiatan politik atau gerakan Kesatuan Sekerja.

5. AKIBAT PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN OLEH TPBRI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

- 5.1 Sekiranya TPBRI diluluskan dengan **syarat kelulusan** yang dinyatakan dalam garis panduan ini atau ACP 1967, KPHDN atas budi bicaranya boleh membatalkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
- 5.2 Dalam perenggan 5.1, perkataan '**syarat kelulusan**' termasuk syarat kelulusan dan tanggungjawab TPBRI selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

6. TEMPOH MASA KELULUSAN DAN LANJUTAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

- 6.1 Tempoh masa kelulusan adalah mengikut tempoh masa pembinaan rumah ibadat iaitu:
 - (a) tempoh 3 tahun daripada tarikh kelulusan TPBRI;
 - (b) tempoh pembinaan rumah ibadat siap; atau
 - (c) wang kutipan telah mencapai jumlah diluluskan oleh KPHDN, **yang mana terdahulu.**

- 6.2 Tempoh lanjutan TPBRI hendaklah dipohon dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tempoh kelulusan tamat berserta alasan dan dokumen sokongan.
- 6.3 Lanjutan tempoh kelulusan hanya akan diberi pertimbangan oleh KPHDN selepas semakan rekod pematuhan syarat kelulusan terdahulu dibuat.

7. KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT - SYARAT DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab TPBRI yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak menghadkan atau sebaliknya menjejaskankuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP 1967 berkenaan dengan kelulusan di bawahsubseksyen 44(6) ACP 1967.

8. LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDERMA TPBRI YANG DILULUSKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

- 8.1 Penderma-penderma yang memberi sumbangan dan derma kepada TBRI di bawah kelulusan subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah layak mendapat tolakan 10% daripada pendapatan agregat individu dan syarikat .
- 8.2 Hanya derma wang tunai yang disokong dengan resit rasmi dan telah disahkan oleh LHDNM sahaja layak untuk mendapat tolakan cukai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 08hb Jun 2020

s.k : LHDN.01/35/42/51/179-aa




PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Senarai semak : Tabung Pembinaan Rumah Ibadat bagi Masjid / Surau

- Sijil Perakuan Pendaftaran Masjid/Surau dengan Majlis Agama Islam Negeri;
- Senarai Ahli Jawatankuasa Masjid/Surau/Jawatankuasa sementara (kawasan baru) yang lengkap dengan nama, alamat, no.kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang disandang dalam jawatankuasa tersebut (kemukakan surat pelantikan oleh Majlis Agama Islam Negeri)
- Senarai ahli Jawatankuasa Tabung Pembinaan Rumah Ibadat yang menyatakan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan/perniagaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Penyata Akaun Bank bagi Tabung Pembinaan Rumah Ibadat (dari mula akaun dibuka sehingga terkini);
- Ketetapan / minit mesyuarat yang memutuskan penubuhan Tabung Pembinaan dan juga perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa tersebut;
- Kaedah-kaedah atau Undang-Undang Kecil (Rules or By-Laws) penubuhan Tabung Pembinaan Rumah Ibadat (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Ketetapan / minit mesyuarat yang meluluskan Kaedah-Kaedah atau Undang-Undang Kecil Tabung Pembinaan;
- Surat pengesahan dari Jabatan Agama Islam Negeri yang meluluskan pembinaan atau pemungutan derma bagi pembinaan tersebut;
- Surat kelulusan pelan bangunan beserta pelan bangunan asal yang telah diluluskan dan disahkan oleh pihak berkuasa tempatan (Kelulusan Kebenaran Merancang tidak diterima);
- Surat Pengesahan anggaran kos terperinci bangunan daripada arkitek yang bertauliah;
- Nama dan alamat kontraktor yang membina bangunan dan salinan surat tawaran tender kontrak dan surat setuju terima daripada kontraktor;
- Dokumen tender (Bill Of Quantity);
- Sekiranya derma telah mula dipungut dari orang ramai, nyatakan tarikh tepat derma mula diterima dan juga jumlah yang telah diterima sehingga sekarang; dan
- Pengesahan mengenai jumlah bantuan kewangan yang diterima atau dijanjikan oleh pihak Kerajaan atau lain-lain punca, jika ada.
- Saya mengakui bahawa maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah benar dan lengkap. Saya memahami bahawa jika sekiranya maklumat ini didapati palsu atau tidak lengkap, permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.**

.....
Nama : ()
Jawatan :
Tarikh :

- Nota** : ** Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.
: ** Sekurang-kurangnya 50% AJK Tabung Pembinaan terdiri daripada orang yang tidak mempunyai kaitan dengan jawatankuasa rumah ibadat termasuklah:-
a. hubungan kekeluargaan
b. hubungan majikan dan pekerja; dan
c. pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama





JABATAN DASAR PERCUKAIAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL, ARAS 17
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Senarai semak : Tabung Pembinaan Rumah Ibadat bagi Gereja/Tokong/Kuil

1. Berhubung dengan Pertubuhan (yang menubuhkan Tabung Pembinaan ini)

- Sijil Perakuan Pendaftaran Pertubuhan dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia;
- Salinan Perlembagaan / Undang-Undang yang telah disahkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia;
- Senarai ahli Jawatankuasa Pertubuhan yang menunjukkan nama, alamat, pekerjaan atau perniagaan yang dijalankan dan jawatan yang dipegang dalam Jawatankuasa (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Surat Pengesahan daripada Pertubuhan Agama Induk (National Religious Body) seperti Malaysian Buddhist Association, Christian Federation of Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Malaysian Gurdwaras Council atau Federation of Taoist Association Malaysia bahawa bangunan yang dibina adalah untuk tujuan keagamaan dan ibadat semata-mata dan Pertubuhan adalah pihak yang diberi kuasa untuk menguruskan tabung pembinaan tersebut;

2. Berhubung dengan Tabung Pembinaan Rumah Ibadat

- Ketetapan / minit mesyuarat yang memutuskan penubuhan Tabung Pembinaan dan juga perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa tersebut;
- Kaedah-kaedah atau Undang-Undang Kecil (Rules or By-Laws) penubuhan Tabung Pembinaan Rumah Ibadat (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Ketetapan / minit mesyuarat yang meluluskan Kaedah-Kaedah atau Undang-Undang Kecil Tabung Pembinaan;
- Senarai ahli-ahli Jawatankuasa Tabung Pembinaan Rumah Ibadat yang menyatakan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan/perniagaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Penyata Akaun Bank untuk Tabung Pembinaan Rumah Ibadat (dari mula akaun dibuka sehingga terkini);
- Surat kelulusan pelan bangunan beserta pelan bangunan asal yang telah diluluskan dan disahkan oleh pihak berkuasa tempatan (Kelulusan Kebenaran Merancang tidak diterima);
- Surat Pengesahan anggaran kos pembinaan bangunan yang akan dibina oleh arkitek bertauliah;
- Nama dan alamat kontraktor yang membina bangunan dan salinan surat tawaran tender kontrak dan surat setuju terima daripada kontraktor;
- Dokumen tender (Bill Of Quantity);
- Surat pengesahan dari jawatankuasa tabung pembinaan mengenai jumlah derma yang telah diterima sehingga sekarang termasuk geran Kerajaan
- Saya mengakui bahawa maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah benar dan lengkap. Saya memahami bahawa jika sekiranya maklumat ini didapati palsu atau tidak lengkap, permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.***

Nama : (.....)
Jawatan :
Tarikh :

Nota : Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.

UNDANG-UNDANG KECIL TABUNG PEMBINAAN RUMAH IBADAT

1. Nama Dan Alamat

Tabung Pembinaan ini akan dikenali sebagai Tabung Pembinaan Bangunan
..... (kemudian daripada ini disebut Tabung Pembinaan)
Alamat :

2. Tujuan

Tujuan Tabung Pembinaan ini ditubuhkan ialah:-

- (a) Untuk memohon daripada orang awam sejumlah wang yang diperlukan bagi membina dan menyiapkan tempat ibadat tersebut.
- (b) Untuk mengumpul wang yang diperlukan, selain daripada yang di atas, rayuan-rayuan akan dibuat sama ada terhadap orang-orang perseorangan, Syarikat Swasta, Badan Berkanun Kerajaan dan sebagainya di Malaysia dan juga melalui senarai am sehingga secukupnya yang dianggarkan lebih kurang

3. Pengurusan

- 3.1 Segala bentuk pengurusan dan pengawalan Tabung Pembinaan ini akan diamanahkan kepada sebuah Jawatankuasa Tabung Pembinaan yang terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan orang ahli Jawatankuasa.
- 3.2 Pengerusi Jawatankuasa Tabung Pembinaan akan mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Tabung Pembinaan. Dalam masa ketiadaan beliau tempatnya akan digantikan oleh Naib Pengerusi. Pengerusi Jawatankuasa Tabung Pembinaan ataupun Naib Pengerusi yang dilantik adalah berhak untuk mengundi, dan sekiranya terdapat jumlah undi yang sama adalah berhak untuk mengundi kali kedua ataupun undian pemutus.
- 3.3 Naib Pengerusi akan membantu Pengerusi dalam segala pengendalian yang diamanahkan kepada Jawatankuasa. Dalam masa ketiadaan Pengerusi, Naib Pengerusi akan mengambil tempatnya.
- 3.4 Setiausaha akan bertanggungjawab memanggil mesyuarat Jawatankuasa, menyediakan agenda, mencatat serta menyimpan minit-minit mesyuarat dan juga surat-menyurat.
- 3.5 Penolong Setiausaha hendaklah memangku jawatan Setiausaha sekiranya Setiausaha tiada dan menjalankan tugas Setiausaha sepenuhnya.

- 3.6 Bendahari adalah bertanggungjawab di atas segala perkara yang berkaitan dengan kewangan tabung pembinaan tersebut dan beliau adalah dikehendaki menyimpan kira-kira di dalam buku-buku yang sempurna. Beliau juga adalah bertanggungjawab bagi menyediakan laporan kira-kira tahunan untuk diaudit serta membentangkan kira-kira tersebut di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

4. Mesyuarat Jawatankuasa

- 4.1 Jawatankuasa akan bermesyuarat pada bila-bila masa dan bila diarahkan oleh Pengerusi ataupun oleh Setiausaha dan sekurang-kurangnya lima orang ahli Jawatankuasa adalah diperlukan untuk membentuk korum.
- 4.2 Jawatankuasa akan memegang tugas sebaik sahaja dilantik sehingga Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya kecuali ada mana-mana Ahli Jawatankuasa yang ingin meletak jawatan dalam masa-masa tersebut beliau hendak mengemukakan notis bertulis kepada Setiausaha akan keinginannya itu.
- 4.3 Jawatankuasa berhak memilih mana-mana ahli untuk mengisi mana-mana kekosongan yang berlaku disebabkan kematian ataupun perletakan jawatan.
- 4.4 Pelantikan Jawatankuasa Tabung Pembinaan yang baru perlu mendapat kebenaran/kelulusan dari Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia secara bertulis terlebih dahulu

5 Kira-kira Kewangan

- 5.1 Semua wang yang terkumpul bagi Tabung Pembinaan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sebuah bank dan hendaklah diasingkan daripada akaun bank yang telah sedia ada dan dibuka atas nama Tabung Pembinaan Bangunan
- 5.2 Bendahari akan bertanggungjawab memasukkan semua wang yang terkumpul bagi Tabung Pembinaan tersebut ke dalam akaun bank Tabung Pembinaan dan akan menandatangani bersama semua cek dengan Pengerusi atau Setiausaha.
- 5.3 Juruaudit yang bukan ahli kepada Jawatankuasa Tabung Pembinaan hendaklah mengaudit segala wang kira-kira bagi Tabung Pembinaan tersebut sebelum mesyuarat agung tahunan. Selain daripada beliau, seorang juruaudit luar yang berkecuali sebagai juruaudit awam hendaklah dilantik untuk mengaudit penyata kewangan Tabung Pembinaan itu.
- 5.4 Sesalinan Penyata Kewangan Tabung Pembinaan hendaklah dikemukakan setiap tahun ke Jabatan Dasar Percukaian, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cyberjaya.

6. Pindaan

Segala pindaan yang hendak dilakukan kepada Undang-Undang Kecil Tabung Pembinaan ini hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

7. Syarat-syarat Pembinaan

- 7.1 Bangunan ini, setelah siap dibina akan digunakan sepenuhnya bagi maksud ibadat atau kemajuan agama dan terbuka kepada orang ramai untuk tujuan tersebut.
- 7.2 Pembinaan akan bermula dan disiapkan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh kelulusan atau sehingga projek pembinaan ini siap atau sehingga wang kutipan telah mencapai jumlah yang diluluskan oleh KPHDN, yang mana lebih awal.
- 7.3 Sekiranya syarat 7.2 di atas tidak dipatuhi, segala wang yang telah dikutip akan diserahkan kepada Pemegang Amanah Raya untuk dipegang olehnya sebagai mana bagi maksud menambahkan (dengan kebenaran Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Malaysia) lain-lain Tabung Pembinaan yang serupa dan telah diluluskan.

8. Pembubaran

- 8.1 Tabung Pembinaan akan dibubarkan setelah itu siap dibina dan setelah segala perkara yang berkaitan dengan pembinaan tersebut selesai.
- 8.2 Dalam masa pembubaran itu sekiranya masih ada baki kepada wang Tabung Pembinaan tersebut, baki itu hendaklah diserahkan kepada Kerajaan ataupun didermakan kepada lain-lain Tabung Pembinaan yang serupa dan dengan persetujuan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia ataupun diserahkan kepada Pemegang Amanah Raya (negeri) dan disimpan sebagai amanah bagi tujuan digunakan kemudian setelah mendapat persetujuan daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Malaysia.

Diluluskan dalam mesyuarat pada tarikh :

Tandatangan (Pengerusi) :

Tandatangan (Setiausaha) :

